

Dato' Onn Ja'afar dalam Lensa Arkib Kolonial: Analisis Kritis Dokumen Colonial Office, 1946-1948

Dato' Onn Ja'afar through the Lens of Colonial Archives: A Critical Analysis of Colonial Office Documents, 1946-1948

Azizi Yazit

Penyelidik Bebas, Bangi, Selangor, Malaysia
*Corresponding author: aziziyazit@gmail.com

Received: 5 July 2025; Accepted: 1 September 2025

Abstrak

Kajian ini meneliti peranan Dato' Onn Ja'afar sebagai tokoh yang mencorakkan arah politik Melayu dalam detik-detik awal pembentukan negara bangsa, khususnya melalui kepimpinannya dalam menentang gagasan *Malayan Union* yang dianggap mengancam kedaulatan dan hak istimewa orang Melayu. Berdasarkan analisis terhadap dokumen-dokumen dari arkib *Colonial Office* (CO) serta pembacaan kritis terhadap sumber-sumber rasmi kolonial, kajian ini mendapati bahawa perjuangan Dato' Onn berakar daripada keprihatinan terhadap kepentingan politik orang Melayu. Namun demikian, perjuangan tersebut bersifat terbatas, tertumpu kepada tuntutan pentadbiran sendiri dalam kerangka yang elitis, yang lebih menguntungkan segelintir kelompok bangsawan dan elit Melayu, berbanding memperjuangkan kemerdekaan menyeluruh bagi seluruh rakyat. Dalam rundingan bersama pihak kolonial, Dato' Onn sering kali melakukan kesilapan strategi dan menunjukkan kecenderungan untuk berkompromi secara tidak seimbang. Akibatnya, momentum perjuangan rakyat Melayu yang semakin berani menuntut kemerdekaan penuh menjadi terganggu. Dokumen-dokumen CO turut menunjukkan bahawa pegawai-pegawai British memandang beliau sebagai seorang pemimpin yang lunak, mudah didekati dan dirunding, satu penilaian yang mendedahkan betapa beliau dilihat lebih sebagai rakan teknokratik berbanding ancaman politik. Namun, kajian ini juga membongkar dimensi lain yang lebih tersembunyi, permainan kuasa halus oleh penjajah British yang secara licik memperalatkan kedudukan Dato' Onn demi mengekalkan struktur imperialis mereka. Sebagai tokoh daripada kalangan elit politik, beliau sering gagal menangkap denyut nadi rakyat bawahan yang semakin mendambakan pembebasan mutlak daripada belenggu penjajahan. Sikap komprominya tidak hanya mencerminkan kelemahan peribadi, tetapi turut membawa implikasi besar terhadap usaha kolektif menuntut keadilan sejarah bagi masyarakat pribumi.

Kata kunci: Dato' Onn, penentangan *Malayan Union*, elit Melayu era Pasca Perang Dunia Kedua.

Abstract

This study examines the role of Dato' Onn Ja'afar during the critical junctures of early nation-building in Malaya, particularly his opposition to the Malayan Union proposal. Based on

analysis of documents from the Colonial Office (CO) archives and a critical reading of official colonial sources, the study finds that Dato' Onn's struggle was rooted in a concern for Malay political interests. However, his struggle was limited in scope, centred on demands for self-administration within an elitist framework, which largely benefited a small group of Malay aristocrats and elites, rather than advocating for comprehensive independence for all. In negotiations with the colonial authorities, Dato' Onn frequently committed strategic missteps and displayed a tendency to compromise in ways that were unbalanced. This, in turn, disrupted the growing momentum of the Malay grassroots movement, which was increasingly vocal in demanding full independence. CO documents further reveal that British officials viewed him as a pliable leader, approachable and easy to negotiate with, a perception that framed him more as a technocratic partner than a political threat. Nonetheless, this study also uncovers a more concealed dimension: the subtle mechanisms of power through which the British skilfully manipulated Dato' Onn's position to prolong their imperial interests. As a figure of the Malay political elite, he often failed to grasp the pulse of the masses, who were increasingly yearning for total liberation from colonial domination. His tendency toward compromise was not merely a personal flaw, but one that had profound implications for the broader collective effort to achieve historical justice for the indigenous population.

Keywords: *Dato' Onn, opposition to the Malayan Union, Malay elite in the Post-World War II Era.*

Pengenalan

Perkembangan politik di Tanah Melayu selepas pendudukan Jepun memperlihatkan perubahan besar dalam landskap perjuangan nasionalis. Kekalahan Jepun pada tahun 1945 membuka ruang kepada kebangkitan pelbagai aliran politik, daripada nasionalisme kiri dan berorientasikan agama yang dipelopori oleh parti-parti seperti PKMM, API, dan AWAS, sehinggalah kepada nasionalisme kanan yang lebih menekankan kesinambungan *status quo*. Dalam suasana inilah pihak British mula menilai dengan teliti tokoh-tokoh yang berpotensi dijadikan rakan runding, bagi memastikan kepentingan kolonial mereka terus terpelihara. Salah seorang tokoh yang mendapat perhatian besar ialah Dato' Onn Ja'afar.

Dato' Onn bin Ja'afar (1895–1962) merupakan antara tokoh paling penting dalam sejarah politik moden Tanah Melayu. Beliau lahir daripada keluarga bangsawan Johor, di mana datuk, bapa, dan dua orang abangnya pernah menjawat jawatan Menteri Besar Johor. Beliau juga merupakan anak angkat kepada Sultan Ibrahim. Dari segi pendidikan, beliau menuntut di Sekolah Melayu Johor Bahru, *Aldeburgh Lodge* di Suffolk, United Kingdom, serta di Kolej Melayu Kuala Kangsar (*Malay College Kuala Kangsar/MCKK*).

Kerjaya awal Dato' Onn bermula dalam perkhidmatan kerajaan Johor. Namun, akibat perbezaan pendapat dengan Sultan Ibrahim, beliau berpindah ke Singapura dan menceburi bidang kewartawanan. Beliau menjadi editor *Warta Malaya* (1930–1933) dan *Lembaga Malaya* (1934–1936). Setelah berdamai dengan Sultan Ibrahim, beliau kembali ke Johor dan dilantik sebagai Ahli Tidak Rasmi Majlis Negeri Johor (1936–1941), Ahli Majlis Mesyuarat Eksekutif Johor, serta Setiausaha Sulit kepada Pemangku Raja Johor (1938).

Semasa Perang Dunia Kedua, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Penerangan dan Publisiti Johor (1941–1942). Ketika pendudukan Jepun, beliau dilantik sebagai Pengawal Makanan dan kemudiannya Pegawai Daerah Batu Pahat. Selepas perang, Dato' Onn kembali menonjol apabila dilantik sebagai Menteri Besar Johor (1946–1950). Pada tahun yang sama, beliau menubuhkan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMJ), mengasaskan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (*United Malay National Organization/UMNO*) dan menjadi Presiden pertamanya.

Dato' Onn turut memainkan peranan dalam beberapa badan penting: beliau menganggotai Jawatankuasa Kerja Perlembagaan (1946–1947), Majlis Perundangan Persekutuan (1948–1955), dan Majlis Eksekutif Persekutuan (1948–1955) dengan portfolio Hal Ehwal Dalam Negeri. Beliau juga terlibat dalam *Communities Liaison Committee* (1949–1950) dan menjadi Pengerusi *Rural and Industrial Development Authority* (RIDA) (1950). Namun, pada tahun 1951 beliau meninggalkan UMNO untuk menubuhkan *Independence of Malaya Party* (IMP), sebelum menubuhkan Parti Negara pada tahun 1954. Dalam Pilihan Raya Persekutuan 1959, beliau dipilih sebagai Ahli Parlimen tunggal Parti Negara.

Sebelum perang, pengaruh Dato' Onn lebih banyak terbatas di Johor melalui peranan beliau sebagai wartawan dan pegawai pentadbiran negeri. Namun, pada tahun 1946 beliau muncul di pentas politik kebangsaan melalui perjuangan menentang *Malayan Union*. Dengan karisma kepimpinan serta keupayaan menyatukan pelbagai pertubuhan Melayu di bawah UMNO, beliau segera diangkat sebagai suara utama orang Melayu dalam rundingan dengan pihak kolonial. Walau bagaimanapun, dokumen-dokumen *Colonial Office* (CO) mendedahkan bahawa hubungan British dengan Dato' Onn tidak sekadar berbentuk rundingan terbuka, tetapi turut disertai strategi halus untuk mengehadkan ruang gerak politik beliau. Salah satu taktik British ialah mengangkat beliau sebagai “jurucakap rasmi” orang Melayu, tetapi pada masa yang sama mengehadkan tuntutan agar selaras dengan agenda kolonial. Melalui siri perundingan, kompromi, dan konsesi, British secara beransur-ansur berjaya menjerat Dato' Onn dalam kerangka politik yang mereka kawal. Maka, perjuangan beliau yang pada awalnya lantang menentang *Malayan Union* akhirnya terikat dengan syarat-syarat kolonial.

Kajian ini memberi tumpuan kepada analisis kritis terhadap dokumen-dokumen arkib *Colonial Office* (CO), bagi memahami bagaimana Dato' Onn dinilai dan dimanipulasi oleh pegawai British. Pendekatan ini bukan sahaja mendedahkan kelemahan serta kompromi politik beliau, tetapi juga memperlihatkan bagaimana strategi kolonial yang licik memerangkap perjuangannya secara halus. Pada masa yang sama, kajian ini menelusuri dilema Dato' Onn sebagai sebahagian daripada elit politik Melayu, yang adakalanya gagal menangkap aspirasi massa rakyat ketika mereka semakin mendambakan perubahan yang lebih menyeluruh dan progresif. Dengan itu, analisis ini berhasrat memberikan gambaran kritikal dan seimbang terhadap peranan Dato' Onn dalam perjuangan anti-kolonial, di samping memperkaya historiografi Malaysia melalui penerokaan sumber-sumber baru daripada arkib CO.

Metodologi

Pendekatan Pascakolonial Dekonstruktif

Pendekatan pascakolonial bersifat dekonstruktif² merupakan satu cara pembacaan kritikal yang mengambil teks penjajah sebagai medan analisis, namun tujuannya bukan untuk menerima kerangka asal, sebaliknya untuk mencabar dan merungkaikan logik kuasa yang terkandung di dalamnya. Pendekatan ini tidak menolak sepenuhnya dokumen kolonial, tetapi membacanya dengan sedar bahawa maklumat di dalamnya telah ditapis dan disusun mengikut kepentingan penjajah.

Dalam hal ini, pengkaji perlu sedar bagaimana penjajah mencipta label seperti “radikal”, “moderat”, atau “bermasalah” untuk tokoh tempatan, label yang bukan neutral, tetapi penuh dengan kepentingan kuasa. Justeru, analisis tidak cukup hanya dengan memahami maksud istilah tersebut dalam konteks asalnya, tetapi perlu menggali makna tersembunyi yang sering kali membenarkan tindakan penjajah dan membataskan ruang gerak politik masyarakat tempatan. Sebagai contoh, jika sesuatu tindakan dilabelkan sebagai “ancaman”, pendekatan ini akan mempertanyakan apakah sebenarnya tindakan tersebut satu bentuk penentangan yang sah terhadap kekuasaan kolonial. Begitu juga, proses rundingan yang dilihat seolah-olah membawa

manfaat bersama mungkin sebenarnya merupakan strategi penjajahan yang licik, diselubung dengan bahasa diplomatik.

Pendekatan ini juga memberi perhatian kepada perkara yang disenyapkan atau tidak diberi penekanan dalam wacana rasmi, tetapi sebenarnya menunjukkan kemampuan masyarakat jajahan membuat keputusan sendiri. Ia mempersoalkan kenapa hanya suara penjajah yang ditonjolkan, dan kenapa ada unsur lain yang diketepikan.

Contohnya, apabila dokumen dari *Colonial Office* (CO) menyebut: “*Among those attending are probably Dato Onn himself, who is a moderate*” (CO 537/1581, no 17, bertarikh 23 Februari 1946), bacaan dekonstruktif akan bertanya: “Moderate” menurut siapa? Apa yang menjadikan pendirian beliau boleh diterima oleh penjajah? Apakah bentuk nasionalisme Melayu yang sedang ditekan oleh pujian ini? Soalan-soalan ini menggalakkan pembacaan yang lebih kritikal terhadap niat dan ideologi di sebalik pujian penjajah, serta menunjukkan bagaimana wacana politik digunakan untuk mengawal cita-cita masyarakat tempatan. Dengan cara ini, dokumen kolonial bukan sekadar catatan sejarah, tetapi menunjukkan bagaimana kuasa digunakan, makna dibentuk, dan penentangan disembunyikan di sebalik bahasa rasmi penjajah.

Kajian ini memberi tumpuan kepada Dato’ Onn Ja’afar berbanding tokoh nasionalis lain kerana kedudukannya yang istimewa dalam sejarah politik Tanah Melayu, di samping wujudnya kekurangan objektiviti dalam penilaian terhadap dirinya. Dalam penulisan sejarah arus perdana, beliau kerap dipersembahkan sebagai pelopor kemerdekaan dan pemimpin nasionalis utama yang membuka jalan kepada kebangkitan bangsa. Gambaran ini terbentuk daripada karya-karya yang banyak menyanjung peranan beliau sebagai tokoh penentang *Malayan Union*, pengasas UMNO pada tahun 1946, serta pemimpin yang berani mengemukakan idea keahlian terbuka parti itu kepada masyarakat bukan Melayu.

Namun, dokumen *Colonial Office* (CO) membuka sisi yang berbeza. Daripada perspektif kolonial, Dato’ Onn tidak semata-mata dilihat sebagai seorang pejuang kemerdekaan, tetapi juga sebagai perantara politik yang berusaha menyesuaikan tuntutan nasionalisme Melayu dengan strategi British untuk mengekalkan pengaruh mereka di Tanah Melayu. Dokumen CO seperti laporan dan korespondensi menunjukkan bahawa penilaian terhadap Dato’ Onn banyak bergantung pada kesediaannya bekerjasama dengan British serta kebolehannya mempengaruhi pemimpin-pemimpin aliran kanan UMNO agar selaras dengan strategi politiknya.

Hal ini menimbulkan persoalan kritikal yang menjadi teras kajian ini, sejauh manakah British benar-benar melihat Dato’ Onn sebagai seorang nasionalis tulen, dan sejauh mana pula beliau hanyalah instrumen politik yang digunakan untuk melaksanakan dasar kolonial dengan wajah yang lebih mudah diterima oleh masyarakat tempatan. Menjawab persoalan ini amat penting kerana ia bukan sahaja membantu memurnikan naratif sejarah tentang peranan beliau, tetapi juga memberi gambaran yang lebih jujur dan seimbang mengenai dinamika politik Tanah Melayu pada era kolonial.

1. Sumber Primer: Dokumen Colonial Office (CO)

Kajian ini berpaksikan sumber primer daripada *Colonial Office* (CO), khususnya siri CO 537 yang mengandungi telegram, laporan sulit, dan nota rasmi berkaitan krisis *Malayan Union* serta reaksi terhadap kemunculan gerakan politik Melayu. Walaupun dokumen ini berasal daripada pihak yang menjajah, ia tetap memberikan gambaran yang penting tentang cara pentadbiran British menanggapi kebangkitan politik serta usaha mereka menyusun semula struktur kuasa di Tanah Melayu.

Secara umum, dokumen CO ialah rekod rasmi yang dihasilkan oleh *Colonial Office*, sebuah jabatan kerajaan British yang menjadi jentera utama dalam mengekalkan cengkaman penjajahan. Bentuknya meliputi laporan, memorandum, korespondensi, arahan dasar, minit

mesyuarat, dan kertas cadangan yang pada hakikatnya berfungsi untuk memastikan kepentingan “imperialis Britain” terus terpelihara. Skop sumber ini amat luas, meliputi hampir seluruh wilayah jajahan – dari Asia Tenggara, Afrika, Karibia (*Caribbean*), hingga ke Timur Tengah – dan sarat dengan strategi licik bagaimana British mengawal proses “transisi” kononnya menuju kemerdekaan. Namun di sebalik retorik tersebut, tersembunyi niat jahat untuk mengekalkan pengaruh ekonomi, politik, dan budaya melalui bentuk baharu penjajahan iaitu neokolonialisme, yang membolehkan Britain terus menguasai bekas tanah jajahan tanpa lagi memegang kuasa rasmi.

Kepentingan dokumen CO tidak terletak semata-mata pada fungsinya sebagai rekod pentadbiran, tetapi pada keupayaannya menyingkap logik dan agenda kolonial British. Melaluinya, dapat ditelusuri bagaimana pihak kolonial menilai serta menempatkan tokoh tempatan seperti Dato' Onn Jaafar dalam strategi mereka untuk mengawal arus nasionalisme Melayu. Ia juga memperlihatkan asas ideologi di sebalik keputusan-keputusan besar – misalnya penolakan terhadap *Malayan Union* atau reka bentuk Persekutuan Tanah Melayu 1948 – yang secara halus mencerminkan kebimbangan British terhadap pelbagai aliran politik, baik konservatif Melayu, gerakan kiri, mahupun kelompok agama. Lebih jauh lagi, dokumen CO meletakkan Tanah Melayu dalam rangka strategi imperialis global Britain, termasuk usaha mengekalkan dominasi ekonomi, mengatur keseimbangan kuasa dalam Perang Dingin, serta merangka doktrin pertahanan serantau yang menguntungkan kepentingan British.

Dalam penulisan sejarah, dokumen CO bukan sekadar rekod rasmi pentadbiran kolonial. Ia menjadi sumber penting untuk menilai semula naratif yang dibentuk berdasarkan sumber-sumber lama, sekunder, memoir dan wawancara. Lebih signifikan, dokumen CO mempunyai tempoh tertentu sebelum didedahkan kepada umum; setiap kali fail baharu dibuka, ia bukan sahaja berpotensi memperkayakan serta merombak pemahaman sedia ada tentang sejarah, tetapi juga memperlihatkan bagaimana British mengatur agenda dan mengawal wacana politik. Walaupun sering dianggap berwibawa, hakikatnya ia dipenuhi justifikasi untuk mempertahankan kuasa kolonial. Dokumen ini menunjukkan perbezaan antara kisah kemerdekaan yang memuja ‘wira’ nasionalis dengan hakikat bahawa gerakan mereka sebenarnya dikawal dan dibatasi oleh penjajah. Tidak hairanlah projek seperti *British Documents on the End of Empire Project (BDEEP)* menegaskan kepentingannya: ia bukan sekadar sumber akademik, tetapi bukti bahawa kolonialisme berakhir kerana tekanan rakyat, bukan kerana keikhlasan British (AJ Stockwell, 1995: vii, bahagian kata pengantar).

2. Kaedah Pembacaan: Analisis Wacana Sejarah

Wacana sejarah merujuk kepada cara sejarah ditulis, dibicarakan, dan difahami melalui bahasa, naratif, serta kerangka tertentu. Sejarah bukanlah sekadar senarai “fakta lampau”, tetapi bagaimana fakta itu dipilih, ditafsir, dan disusun untuk menghasilkan makna tertentu. Seperti yang ditegaskan oleh E.H. Carr (1961), fakta sejarah tidak pernah neutral kerana sejarawanlah yang memilih dan menafsirnya, justeru, pemilihan inilah yang membentuk makna sejarah dalam sesuatu wacana (E.H Carr, 1984: 27, Terjemahan AB. Rahman Haji Ismail).

Dalam kajian ini, dokumen-dokumen kolonial dibaca melalui pendekatan pascakolonial-dekonstruktif, iaitu suatu kaedah kritis untuk menyingkap maksud tersembunyi di sebalik bahasa rasmi penjajah. Pendekatan ini menyorot sumber kolonial sebagai teks yang sarat dengan pengaruh kuasa dan ideologi. Melalui analisis ini, dapat difahami bagaimana penjajah membentuk naratif, menentukan makna, dan mengawal cara masyarakat jajahan ditampilkan serta ditadbir.

Analisis ini memberi perhatian khusus kepada tiga perkara utama:

- i. Bahasa dan istilah yang digunakan penjajah dalam menggambarkan tokoh seperti Dato' Onn, UMNO, dan orang Melayu, contohnya, mereka dilabel sebagai “moderat”, “bermasalah”, atau “tidak matang”;
- ii. Naratif yang disusun bagi mewajarkan penjajahan, seperti idea bahawa orang Melayu belum bersedia memerintah dan perlukan bimbingan British;
- iii. Percanggahan antara pandangan penjajah dengan realiti sebenar politik orang Melayu di peringkat akar umbi yang jauh lebih kompleks dan aktif.

Melalui pembacaan ini, Dato' Onn tidak sekadar dilihat sebagai seorang pemimpin “moderat” seperti yang digambarkan dalam dokumen kolonial. Sebaliknya, gambaran itu dibaca sebagai satu strategi representasi⁴, satu cara British meletakkan beliau dalam kerangka yang sesuai dengan kepentingan penjajahan. Sifat kompromi beliau yang sering dipuji boleh ditafsirkan sebagai kelebihan yang dimanipulasi oleh penjajah untuk meredakan semangat nasionalisme yang lebih keras dan tegas. Kegagalan beliau memanfaatkan peluang politik bukan hanya kerana kelemahan diri, tetapi juga akibat kekangan sistem penjajahan yang licik dan penuh muslihat.

Berikut ialah jadual yang membandingkan aspek-aspek berkaitan Dato' Onn sebagaimana yang tergambar dalam dokumen CO, ditafsirkan melalui dua lensa berbeza: lensa kolonial dan lensa pascakolonial. Jadual ini membantu menjelaskan perbezaan antara bagaimana tokoh ini dilihat secara strategik oleh penjajah British dan secara kritikal melalui analisis pascakolonial yang bersifat dekonstruktif.

Jadual 1: Aspek dari Lensa Kolonial (British) berbanding dengan Lensa Pascakolonial (dekonstruktif)

Aspek	Lensa Kolonial (British)	Lensa Pascakolonial (dekonstruktif)
Moderat dan pragmatik	Dianggap sebagai pemimpin “selamat” yang menolak ekstremisme, sesuai untuk rundingan dan stabil bagi pentadbiran kolonial.	Dilihat sebagai kompromi politik, yang menjauhkan gerakan Melayu daripada konfrontasi anti-penjajah, sekaligus membantu pengekal dominasi kolonial.
Menolak pendekatan radikal	Memberikan keseimbangan terhadap tekanan nasionalisme kiri dan agama, dan menenangkan keadaan.	Digunakan oleh penjajah untuk melemahkan gerakan kiri (seperti PKMM, API dan AWAS), yang lebih tegas dalam perjuangan anti-kolonial.
Sedia berunding dengan British	Rakan perunding yang boleh dipercayai, boleh dibentuk dan disesuaikan dengan kehendak imperial.	Menjadikan UMNO saluran rasmi yang boleh dikawal oleh pihak kolonial, sebagai pengganti kepada gerakan kebangsaan yang lebih tegas dan benar-benar memperjuangkan kemerdekaan.
Tidak menuntut kemerdekaan segera	Selaras dengan dasar British yang cenderung menangguhkan pemindahan	Melemahkan matlamat pembebasan penuh, menjadikan kemerdekaan

	kuasa, Dato' Onn menolak tuntutan yang bersifat tegas dan lantang, yang menurut perspektif beliau dianggap tidak 'realistik' dalam konteks politik ketika itu.	sebagai isu teknikal, bukan prinsip moral-politik untuk menamatkan penjajahan.
Menolak bentuk Malayan Union, bukan intinya	Kritikan beliau dilihat sebagai cadangan pembaikan struktur, bukan penolakan menyeluruh.	Penolakan tidak bersifat ideologikal; sebaliknya berkisar tentang representasi Melayu dalam kerangka penjajahan yang tetap dikekalkan.
Mewujudkan identiti kebangsaan inklusif	Tanda kematangan politik, sesuai dengan model penjajahan British yang berlapis dan inklusif.	Ia mengabaikan perkara asas yang lebih penting, yakni keadilan sejarah bagi kaum pribumi serta cita-cita pembentukan sebuah negara bangsa, yang berteraskan satu bangsa, satu bahasa, dan satu identiti bersama. Dalam proses itu, ia turut merelakan pembinaan identiti kebangsaan yang bersifat inklusif tanpa mengambil kira persoalan kesetiaan yang mendalam terhadap tanah air
Peranan dalam UMNO	Pemimpin utama dalam menyatukan 41 pertubuhan Melayu, kunci kestabilan politik Melayu pasca-perang.	Dato' Onn digunakan sebagai alat untuk menyatukan nasionalisme Melayu dalam bentuk yang boleh dikawal kolonial. Kestabilan yang dikehendaki adalah kestabilan imperial.
Komitmen terhadap kemerdekaan	Dikenali sebagai negarawan, tetapi tidak menuntut kemerdekaan mutlak.	Dato' Onn dilihat menstruktur nasionalisme dalam batas kolonial. Kompromi beliau dianggap mengekalkan hegemoni penjajah.
Reaksi terhadap dasar penjajah	Menegur apabila perlu, seperti kritikan terhadap Sir Edward Gent.	Kritikan ini menunjukkan sisi nasionalis beliau, namun tetap bergerak dalam kerangka tawar-menawar, bukan pembebasan total.

Sumber: CO 537/1581, CO 537/1528, CO 537/1669, CO 537/1529, CO 537/2174, CO 537/3671, CO 537/1530, CO 537/3746, CO 537/2144, CO 537/3756 & CO 537/3758

Kepentingan Memahami Konteks Politik dan Sosial Selepas Perang Dunia Kedua

Memahami konteks politik dan sosial selepas Perang Dunia Kedua amat penting untuk menjelaskan bagaimana gerakan kemerdekaan di Tanah Melayu mula tersusun dengan lebih rapi serta berteraskan semangat nasionalisme. Antara faktor utama yang mencorakkan kesedaran ini ialah termeterainya Piagam Atlantik 1941 (CO 825/35/4, no. 52, Ogos 1942), yang antara lain mengiktiraf hak setiap bangsa untuk menentukan nasib sendiri. Prinsip dalam piagam tersebut kemudian menjadi asas kepada pembentukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Piagam 1945, sekali gus memberikan legitimasi yang lebih kukuh kepada tuntutan kemerdekaan negara-negara jajahan, termasuk Tanah Melayu.

British sendiri menyedari bahawa pandangan dunia terhadap imperialisme tidak lagi memihak kepada mereka, lebih-lebih lagi selepas pengukuhan *Chapter 3* dalam Piagam 1945. Media dan ucapan politik di Amerika Syarikat banyak menzahirkan sentimen anti-imperialisme, dengan kenyataan seperti “*zaman imperialisme telah mati*” serta hujah bahawa tidak wajar mengorbankan nyawa rakyat Amerika demi mengembalikan kuasa imperial British dan Belanda. Perkembangan ini membuka ruang politik yang luas kepada negara-negara jajahan untuk menuntut hak, menubuhkan parti politik, serta berkempen ke arah kemerdekaan. Dalam konteks Tanah Melayu, pihak British yang kembali melalui *British Military Administration* (BMA) perlu segera mengembalikan *status quo* kolonial, namun pada masa yang sama mencari jalan bagi menampilkan dasar baharu yang kononnya seiring dengan semangat Piagam Atlantik. Inilah yang melahirkan projek *Malayan Union*, yang digambarkan sebagai langkah awal ke arah pembinaan sebuah “negara bangsa” di Tanah Melayu.

Berlindung di sebalik retorik pemulihan dan kestabilan, *Malayan Union* adalah satu strategi halus tetapi licik untuk mengekalkan hegemoni⁵ kolonial dalam wajah baharu (CO 273/675/18, no. 20, 31 Disember 1945). Walau bagaimanapun, projek ini gagal meraih dukungan sebagaimana yang diharapkan. Hanya sebilangan kecil masyarakat Cina menyokongnya, manakala majoritinya masih berhajat untuk kembali ke tanah asal mereka di China dan menganggap Tanah Melayu sekadar tempat mencari rezeki. Lebih mengejutkan, *Malayan Union* yang telah dipersetujui oleh para Sultan, sama ada secara rela atau di bawah tekanan, telah ditentang hebat oleh orang Melayu. Dalam gelombang penentangan inilah muncul seorang tokoh menonjol, Dato’ Onn, seorang bangsawan yang petah berpidato, berpandangan sederhana, serta dilihat British sebagai pemimpin berpotensi menjadi jambatan politik antara penjajah dan masyarakat Melayu (CO 537/1581, no 11, bertarikh 16 Mei 1946, CO 537/1529, no 110, bertarikh 25 Mei 1946, CO 537/1669, bertarikh 8 Mar 1946).

Gambaran Ringkas Tentang Malayan Union dan Faktor Penentangan oleh Orang Melayu

Gagasan *Malayan Union* bukan sahaja mencerminkan kesinambungan dasar penjajahan, malah merupakan percubaan terang-terangan untuk memperkukuh hegemoni British dengan merombak secara menyeluruh struktur politik yang sedia ada. Melalui penghapusan pembahagian pentadbiran lama, iaitu Negeri-negeri Bersekutu, Negeri-negeri Tidak Bersekutu, dan Negeri-negeri Selat, pihak kolonial memperkenalkan satu sistem pemerintahan pusat yang dikuasai sepenuhnya oleh pentadbiran British. Segala bentuk kerjasama dan keterbukaan yang kononnya ditawarkan hanyalah selubung untuk menutupi hasrat sebenar penjajah: mengekalkan dominasi kuasa imperialis dalam bentuk yang lebih tersusun dan sistematik (CO 537/1581, bertarikh 23 Februari 1946; CO 537/1528, no. 44, bertarikh 23 Februari 1946; dan CO 537/1669, bertarikh 8 Mac 1946.).

Malayan Union, dalam hakikatnya, ialah manifestasi penjajahan bentuk baharu, satu bentuk neokolonialisme yang tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada kekerasan ketenteraan, tetapi bersandarkan kepada struktur undang-undang dan pentadbiran birokratik. Di sebalik

slogan perpaduan kaum, kesamarataan hak kerakyatan, dan pembinaan negara bangsa yang kononnya inklusif, *Malayan Union* memperlihatkan kecenderungan yang jelas terhadap pemusatan kuasa di tangan penjajah serta penghakisan kuasa Raja-raja Melayu secara maksimum (CO 537/1528, bertarikh 25–26 April 1946).

Setelah sekian lama hak-hak asal pribumi dirampas secara berperingkat melalui dasar dan mekanisme kolonial, British memperkenalkan pula konsep kewarganegaraan liberal yang menyamaratakan hak antara pribumi dan bukan pribumi, tanpa sebarang pertimbangan terhadap keadilan sejarah, keutamaan asal-usul, dan implikasi jangka panjang penjajahan terhadap masyarakat pribumi. Retorik kesamarataan ini tidak lain hanyalah alat untuk mengaburi ketidakseimbangan kuasa yang semakin melebar.

Dalam pengertian yang lebih luas, *Malayan Union* ialah bentuk penjajahan semula yang dibungkus dengan naratif kemajuan, rasionalisme⁶ Barat, dan janji kemakmuran. Namun, di sebalik semua itu tersirat sebuah agenda besar untuk menstrukturkan semula Tanah Melayu agar tunduk sepenuhnya kepada acuan kolonial. Penolakan orang Melayu terhadap rancangan ini mencerminkan penolakan terhadap penjajahan yang diselindungi atas nama perubahan, serta hasrat untuk menentukan masa depan sendiri dengan bebas dan berdaulat.

Peranan Dato' Onn Jaafar sebagai Pemimpin Utama dalam Penentangan

Tahun-tahun awal pasca-Perang Dunia Kedua menyaksikan kemunculan gelombang penentangan dan ekspresi kebencian yang semakin lantang terhadap penjajahan British di Tanah Melayu. Reaksi ini memuncak apabila pihak kolonial memperkenalkan gagasan *Malayan Union*, sebuah rancangan politik yang secara terang-terangan mencabar kedaulatan Raja-raja Melayu dan sekali gus menafikan secara total hak orang Melayu sebagai pribumi. Dalam konteks ini, Dato' Onn muncul sebagai tokoh utama yang menerajui penentangan politik orang Melayu, khususnya melalui platform UMNO, yang ditubuhkan pada tahun 1946 sebagai manifestasi penolakan politik yang tersusun terhadap gagasan *Malayan Union*. Penubuhan UMNO menghimpunkan pelbagai spektrum kepimpinan Melayu, termasuk golongan nasionalis berhaluan kanan, kiri, dan tokoh-tokoh agama, yang ketika itu turut aktif melalui wadah seperti Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Sebagai presiden pertama UMNO, Dato' Onn memainkan peranan penting dalam menyusun tindak balas politik yang bersepadu terhadap dasar kolonial tersebut. Hal ini direkodkan dalam dokumen CO 537/2144, no. 318, bertarikh 17 Disember 1947:

“Dato' Onn sepanjang masa memegang kepimpinan politik di kalangan orang Melayu, dan UMNO adalah ciptaan asalnya untuk mengatur dan mengekalkan permusuhan politik orang Melayu terhadap Perlembagaan Kesatuan dan Perjanjian MacMichael. Dia tidak pernah berundur dalam usahanya untuk menghapuskan sehabis mungkin sebarang sisa peninggalan *Malayan Union* dalam perlembagaan baharu Persekutuan, dan untuk memulihkan Perlembagaan Johor sejauh mana Perjanjian Persekutuan membenarkan”.

Namun begitu, pendekatan politik Dato' Onn tidak sepenuhnya bersifat konfrontatif. Beliau memperlihatkan kecenderungan pragmatik dengan membuka ruang rundingan bersama pentadbiran British, selain menyesuaikan strategi politiknya dengan realiti kuasa penjajah yang masih kukuh. Ini jelas tergambar dalam siri pertemuan tidak rasmi beliau dengan pegawai-pegawai British, sebagaimana direkodkan dalam dokumen-dokumen CO, khususnya fail-fail CO 537. Dalam rekod-rekod ini, Dato' Onn digambarkan sebagai seorang pemimpin yang tegas tetapi sederhana, yang cenderung memilih jalan tengah dan bersikap terbuka terhadap kompromi demi mencapai kemajuan politik dalam kerangka yang diterima oleh pihak kolonial

(CO 537/2174, no. 1, bertarikh 27 Januari 1947).

Akan tetapi, keterbukaan Dato' Onn terhadap pihak British membawa implikasi yang lebih mendalam. Sikap berhati-hatinya terhadap pengaruh gerakan kiri dan keengganannya untuk bekerjasama dengan golongan nasionalis anti-kolonial telah menjadikan beliau pemimpin “moderat” yang disenangi oleh British (CO 537/2174, no 2 bertarikh 17 Feb 1947). Dalam banyak keadaan, beliau dilihat sebagai benteng kepada kebangkitan politik yang lebih berprinsip anti-imperialis dan anti-kolonial. Keadaan ini menyebabkan Dato' Onn secara tidak langsung menjadi alat politik bagi pihak kolonial dalam usaha menstrukturkan semula medan kuasa di Tanah Melayu, bukan untuk melepaskan kuasa, tetapi bagi memastikan kesinambungan pengaruh British dalam bentuk yang lebih terselindung. Sifat kompromistik⁷ beliau akhirnya menyumbang kepada pelaksanaan agenda neokolonialisme, yang disalurkan melalui proses perundingan dan retorik “peralihan kuasa secara beransur-ansur” (CO 537/1529, no. 169–171, bertarikh 5 Julai 1946; dan CO 537/1530, no. 245, bertarikh 29 Ogos 1946).

Dalam kerangka ini, kepimpinan Dato' Onn tidak wajar ditanggapi secara mutlak sebagai lambang penentangan terhadap penjajahan. Sebaliknya, ia harus difahami juga sebagai sebahagian daripada strategi kolonial yang memanfaatkan pemimpin tempatan yang dianggap “boleh dikawal” bagi melicinkan kesinambungan pengaruh imperialis British. Pendekatan sederhana beliau yang dari satu sudut dilihat sebagai kekuatan politik, pada sudut yang lain membuka ruang kepada bentuk penjajahan baharu yang tidak lagi bergantung kepada kekuatan ketenteraan, tetapi beroperasi melalui institusi, perundangan, dan struktur birokrasi yang memusatkan kuasa dalam acuan kepentingan kolonial. Hal ini terserlah dalam dokumen CO 537/3746, bertarikh Januari 1949, yang menyatakan:

“Walaupun andaian kami betul bahawa Dato' pada dasarnya tidak menentang kerajaan pusat yang kuat, selagi ia sejajar dengan perlindungan terhadap kepentingan Melayu, kami tetap merasakan bahawa buat masa ini beliau melihat masa depan Tanah Melayu sebagai sebuah negara yang didominasi oleh orang Melayu, di mana orang Cina dan lain-lain berada atas ihsan — sama ada mereka warganegara Persekutuan atau tidak — dan bukan sebagai sebuah negara Malaya di mana warganegara Persekutuan bukan Melayu berkongsi sama rata dengan orang Melayu dalam hak dan kewajipan sivik. Namun begitu, persoalan ini sebahagian besarnya bersifat darjah sejauh mana warganegara Persekutuan bukan Melayu akan diterima masuk ke dalam kehidupan awam negara Melayu ini.”

“Kami berasa tergalak oleh beberapa kenyataannya, dan terutamanya oleh laporan MacDonald tentang dasar Dato' Onn di Johor sendiri, di mana, nampaknya, beliau telah menyokong kemasukan bukan Melayu ke dalam Perkhidmatan Pentadbiran Negeri. Secara keseluruhan, kami berasa agak yakin bahawa Onn bersedia memberi peluang yang adil kepada kewarganegaraan Persekutuan. Ini mungkin memberi kita sedikit harapan bahawa, melalui dasar positif di pihak kita, beliau mungkin dapat dibawa untuk menerima dengan yakin dasar Kerajaan Diraja British yang, sambil mengiktiraf kepentingan khas orang Melayu, turut menekankan bahawa warganegara Persekutuan bukan Melayu harus menikmati hak kewarganegaraan sebagai hak yang sah. Kami fikir kami mula melihat tiga komponen utama dasar positif sedemikian.”

Sumber Dokumen Colonial Office (CO) sebagai Rujukan Utama

Pengenalan kepada Dokumen CO dan Kepentingannya dalam Kajian Sejarah Kolonial

Dokumen *Colonial Office* (CO) merupakan sumber primer yang amat penting dalam kajian sejarah Tanah Melayu. Koleksi dokumen yang disimpan merangkumi surat-menyurat rasmi antara pegawai kolonial dengan pejabat pusat di London, laporan pentadbiran, minit mesyuarat, kertas dasar, serta komunikasi sulit yang menggambarkan strategi, pemikiran politik, dan dasar penjajahan yang dilaksanakan oleh kerajaan British. Kepentingan dokumen CO ini tidak terletak semata-mata pada kandungan faktualnya, tetapi juga pada kemampuannya untuk membongkar corak pemikiran imperial yang berteraskan penjajahan, termasuk pandangan merendahkan terhadap masyarakat tempatan serta usaha sistematik untuk mengekalkan dominasi penjajah melalui manipulasi struktur politik dan sosial tanah jajahan.

“Satu lagi siri penting ialah CO 537; yang pada awalnya dikenali sebagai 'General Supplementary', kemudian diberi nafas baharu pada tahun 1944 apabila ia menjadi tempat simpanan fail bagi daftar rahsia Colonial Office (CO). CO 537 ternyata menjadi sumber yang sangat penting bagi tempoh selepas perang di Malaya, sebagaimana juga halnya bagi wilayah-wilayah jajahan CO yang lain (*A.J Stockwell, 1995: Introduction - xxxii*)”.

Dalam konteks Tanah Melayu, dokumen CO sangat signifikan dalam menelusuri proses penggubalan dasar seperti *Malayan Union*, yang dirancang dan dilaksanakan berlandaskan kepentingan imperial British, tanpa rundingan terbuka yang saksama dengan penduduk tempatan. Dokumen-dokumen ini juga mendedahkan bagaimana pihak British memaksa sebahagian besar Raja-raja Melayu untuk menandatangani perjanjian yang membuka jalan kepada pelaksanaan *Malayan Union*, ada yang dilakukan secara langsung dan keras, dengan tekanan politik dan ancaman tersirat, manakala sebahagiannya pula dilakukan secara halus melalui ancaman terhadap kononnya wujud unsur pengkhianatan raja-raja tertentu semasa pemerintahan Jepun, sekali gus mewujudkan tekanan moral ke atas raja. Pendekatan ini memperlihatkan penindasan pihak kolonial yang berusaha untuk memperkukuh cengkaman pentadbiran mereka.

Justeru, dokumen CO bukan sahaja membantu membina pemahaman mendalam tentang dasar kolonial British, tetapi juga menyediakan ruang analisis kritikal terhadap sifat sebenar kolonialisme yang bukan sahaja bersifat eksploitatif, tetapi turut memperalat institusi tempatan demi memastikan kelangsungan hegemoni imperial. Penggunaan sumber ini membolehkan naratif sejarah yang lebih seimbang dan berpaksikan pengalaman sebenar masyarakat yang dijajah dapat dihasilkan.

Dato' Onn Jaafar dalam Perspektif Arkib Kolonial

Surat-surat dan laporan rasmi Colonial Office (CO) memberikan gambaran yang sangat bernilai tentang sikap sebenar Dato' Onn Jaafar, matlamat politiknya, serta kesan langsung pendekatannya terhadap gerakan anti-kolonial di Tanah Melayu. Secara keseluruhannya, dokumen-dokumen ini menyampaikan satu naratif yang cukup konsisten dari perspektif penjajah: bahawa Dato' Onn merupakan seorang pemimpin Melayu yang dianggap "selamat" oleh British, seorang yang bersedia untuk berunding dalam batas kerangka penjajahan, dan tidak cenderung mengancam kedudukan kolonial secara langsung.

1. Pemimpin Melayu dalam Wacana Kolonial: Antara Kesediaan Berunding dan Persepsi “Selamat”

Dalam laporan bertarikh 23 Februari 1946 (CO 537/1581), Dato' Onn digambarkan sebagai "seorang yang moderat", dan pendekatannya dilihat sebagai alternatif yang lebih tenang berbanding tokoh-tokoh lain yang lebih lantang dan tegas seperti Haji Wan Ahmad dari Kelantan dan Raja Muda Kelantan. British secara strategik mengangkat Dato' Onn sebagai pengantara politik, iaitu sebagai orang tengah antara tuntutan rakyat dan keengganan penjajah untuk berundur. Naratif "moderasi" di sini bukan sekadar sifat peribadi, tetapi digunakan oleh penjajah sebagai alat untuk mengekang kebangkitan nasionalisme Melayu yang lebih tegas dan tidak berkompromi.

Laporan lain turut menguatkan persepsi ini. Dalam dokumen CO 537/1528 bertarikh 23 Februari 1946, Dato' Onn dilihat sebagai "*pengaruh penenang di Johor*" terhadap gelombang penentangan terhadap Kertas Putih *Malayan Union*. Beliau tidak dianggap sebagai ancaman yang memerlukan tindak balas keras. Sebaliknya, beliau dilihat berguna dalam meredakan keresahan rakyat, sekali gus memelihara kestabilan pentadbiran kolonial.

Malah, dalam CO 537/1669 bertarikh 8 Mac 1946, terdapat pengakuan bahawa Dato' Onn sebenarnya tidak menolak idea *Malayan Union* secara prinsip, sebaliknya hanya mempersoalkan komposisi dan bentuknya yang terlalu longgar terhadap kedudukan Melayu. Penolakan beliau bersifat teknikal dan bukan ideologikal, menunjukkan bahawa penentangannya terhadap *Malayan Union* tidak bermaksud penolakan menyeluruh terhadap penjajahan itu sendiri. Sikap British terhadap Dato' Onn dan UMNO juga tergambar dalam siri dokumen lain seperti CO 537/1529 bertarikh 5 Julai 1946, yang mencatat:

"Saya mengalu-alukan hakikat bahawa Dato' Onn dan rakan-rakannya kelihatan telah mengambil pendirian yang kurang tegar dalam hal ini... mereka boleh dibawa untuk melihat perkara ini dengan wajar."

Begitu juga dalam laporan CO 537/2174 bertarikh 27 Januari 1947, dinyatakan bahawa:

"Dato' Onn menetapkan bahawa UMNO tidak menuntut kemerdekaan tetapi pembatalan Perjanjian MacMichael."

Pendirian ini amat disenangi oleh British, kerana selari dengan pendekatan penjajah yang ingin mengelakkan desakan untuk kemerdekaan segera. Dalam ucapan rasmi pada Januari 1947, Dato' Onn menyatakan bahawa orang Melayu belum bersedia untuk merdeka. Ini memberikan justifikasi politik kepada penjajah untuk menangguhkan pemindahan kuasa sambil mengekalkan dominasi melalui struktur persekutuan yang kelihatan lebih inklusif.

2. Rundingan sebagai Alat Pelunakan

Dokumen CO 537/3671 bertarikh 18 Februari 1948 dan CO 537/1530 bertarikh 29 Ogos 1946 menekankan kejayaan rundingan sebagai "*kemenangan bersama*", tetapi dalam realitinya ia adalah kemenangan kerangka kolonial. Rundingan bersama Dato' Onn telah dirancang dengan teliti agar menghasilkan bentuk kerjasama yang tidak menggugat dominasi British. British menggambarkan Dato' Onn sebagai tokoh pragmatik dan rasional, namun peranan utamanya adalah untuk menyalurkan kemarahan rakyat ke dalam acuan yang lebih mudah dikawal, berbeza dengan Indonesia yang memilih jalan revolusi terbuka. Sebagaimana dinyatakan dalam CO 537/1529 bertarikh 5 Julai 1946,

"MacDonald dan Gent berasa tergalak dengan perbincangan tidak rasmi bersama Dato' Onn... dan, menyedari keperluan menguatkan UMNO terhadap

MNP yang radikal, sekali lagi mendesak Hall untuk membuat konsesi berkaitan perjanjian MacMichael.”

Sokongan British terhadap Dato' Onn bukan berdasarkan kesesuaian ideologi, tetapi kerana beliau berfungsi sebagai penimbal terhadap ancaman dari gerakan anti-kolonial yang lebih tegas seperti PKMM, API dan AWAS. Ini adalah strategi pecah dan perintah yang halus: menaikkan seorang pemimpin “moderat” untuk mengasingkan dan melemahkan gerakan yang mengancam *status quo* imperial.

3. Politik Moderasi dan Pragmatisme: Bukan Anti-Kolonial secara Prinsip

Sikap politik Dato' Onn dapat ditafsirkan sebagai cerminan pendekatan yang sederhana dan pragmatik, dengan kecenderungan kepada penyelesaian menerusi rundingan serta penolakan terhadap bentuk politik yang tegas dan lantang. Beliau tidak menunjukkan pendirian anti-British yang jelas atau komitmen terhadap kemerdekaan segera (CO 537/1529, no. 149–152, bertarikh 21–22 Jun 1946). Sebaliknya, tumpuan utamanya ialah untuk merombak struktur pentadbiran kolonial bagi memberi ruang lebih besar kepada penyertaan Melayu, tanpa mencabar asas pemerintahan penjajah secara langsung (CO 537/1581, no. 11, bertarikh 16 Mei 1946).

4. Matlamat Politik: Perlindungan Melayu dalam Kerangka Penjajahan

Matlamat politik Dato' Onn mencerminkan keprihatinan beliau terhadap kelangsungan kedudukan politik orang Melayu dalam pembentukan struktur kenegaraan baharu pasca-Perang Dunia Kedua. Penentangannya terhadap gagasan *Malayan Union* berpunca daripada kebimbangan mendalam terhadap penghakisan kuasa institusi raja-raja Melayu serta ancaman terhadap kedudukan istimewa golongan elit Melayu. Kebimbangan ini direkodkan secara jelas dalam dokumen rasmi British, CO 537/1669 bertarikh 8 Mac 1946, yang menyatakan:

"Penerbitan White Paper telah membawa kepada tentangan besar dalam kalangan orang Melayu, seperti yang telah diketahui. Berdasarkan telegram, pusat utama penentangan kelihatan di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor, dan penggerak utama Kongres Melayu Se-Malaya yang baru-baru ini diadakan di Kuala Lumpur adalah Dato' Onn — seorang tokoh Johor Melayu yang terkenal dan bijaksana, namun dikatakan berpandangan sederhana, dan berkemungkinan seorang progresif yang menyukai idea Union tetapi menginginkan ia didominasi oleh orang Melayu."

Namun demikian, dalam merumuskan alternatif kepada gagasan *Malayan Union*, Dato' Onn tidak meletakkan pembebasan mutlak daripada penjajahan sebagai teras perjuangannya. Sebaliknya, beliau mencadangkan satu bentuk pemerintahan yang kekal berada dalam kerangka kerjasama dengan pihak British. Pendekatan ini jelas berbeza daripada semangat pembebasan total yang menjadi teras perjuangan nasionalisme di Indonesia. Keprihatinan terhadap kemungkinan kemunculan sentimen anti-British dalam kalangan orang Melayu direkodkan dalam dokumen CO 537/1529, no. 149–152, bertarikh 21–22 Jun 1946, yang menyatakan:

“Namun amat malang jika kesedaran politik yang bangkit ini terbabas ke arah aliran ekstremis dan anti-British. Jika kita dapat mengembalikan keyakinan orang Melayu terhadap Britain melalui rundingan ini dan mencapai persetujuan, kita boleh mencegah hal ini. Maka pergerakan nasionalis Melayu berkemungkinan bersahabat dengan pentadbiran di sini dan bekerjasama dalam

hal ehwal politik, bukannya terseret dalam arus anti-Eropah seperti di Indonesia. Sebaliknya, jika kita gagal, kita akan kehilangan peluang besar. Kita akan berhadapan dengan kemungkinan besar penolakan meluas dan mula melalui jalan penuh tentangan tempatan dan kebencian, sebagaimana yang berlaku dengan kesan buruk di tempat lain.”

5. Kesan Terhadap Perjuangan Kemerdekaan

Pendekatan Dato’ Onn turut membawa implikasi terhadap lanskap perjuangan anti-kolonial. Pertama, fokus kepada isu-isu Melayu dan kompromi pentadbiran telah mengaburkan matlamat sebenar perjuangan kemerdekaan, yang sepatutnya bertujuan membebaskan tanah air secara menyeluruh. Kedua, beliau telah dijadikan perisai oleh British terhadap tekanan daripada gerakan yang lebih tegas, sekali gus melemahkan momentum nasionalisme yang menuntut pembebasan sebenar (CO 537/1528, no. 25–26, bertarikh April 1946). Ketiga, UMNO sebagai parti dominan menjadi saluran yang mudah dirunding oleh British, membolehkan penjajah mengekalkan dominasi mereka dalam bentuk yang lebih terselindung. Keempat, pendekatan UMNO di bawah Dato’ Onn mengasingkan gerakan kiri dan agama seperti PKMM, API dan AWAS, yang dilabel sebagai radikal dan tidak mendapat sokongan arus perdana.

Melalui sumber-sumber primer *Colonial Office*, jelas bahawa Dato’ Onn bukan sekadar tokoh moderat yang berstrategi, tetapi juga sebahagian daripada rancangan penjajah yang lebih besar, iaitu strategi untuk mengawal peralihan kuasa secara berperingkat. Sifat beliau yang mudah dirunding dan bersedia berkompromi memberi peluang kepada British untuk mengalirkan semangat nasionalisme Melayu ke arah yang lebih lembut, terkawal, dan tidak menggugat kepentingan imperialis secara langsung. Akibatnya, perjuangan kemerdekaan yang sebenar ditangguhkan, manakala wacana pembebasan digantikan dengan retorik pentadbiran yang terhad. Penelitian terhadap peranan Dato’ Onn melalui dokumen arkib *Colonial Office* (CO) membuka ruang penting untuk menilai semula naratif rasmi serta menyingkap dimensi yang lebih kompleks dan jarang diketengahkan mengenai sumbangannya dalam sejarah peralihan kuasa kolonial di Tanah Melayu.

Rakan atau Alat? Menilai Perhubungan British dengan Dato’ Onn dari Perspektif Arkib Kolonial

Surat-menyurat *Colonial Office* (CO) yang direkodkan sepanjang tahun-tahun awal pasca-perang memberikan gambaran yang kompleks mengenai hubungan antara Dato’ Onn dan pihak British. Dokumen-dokumen ini memancarkan dua naratif serentak: pertama, pengiktirafan terhadap pengaruh politik Dato’ Onn dalam kalangan orang Melayu; dan kedua, penggunaan beliau sebagai alat strategik untuk mengawal dan menyalurkan nasionalisme Melayu ke arah yang tidak mengancam dominasi kolonial.

1. Dato’ Onn sebagai Jambatan Kuasa Melayu dan Penjajah

British mengiktiraf bahawa Dato’ Onn telah muncul sebagai pemimpin utama yang berjaya menyatukan suara politik Melayu melalui Kongres Melayu dan penubuhan UMNO. Dalam laporan bertarikh 16 Mei 1946, dinyatakan bahawa sebanyak 41 pertubuhan Melayu telah menghadiri persidangan pertama UMNO dan sebulat suara memilih Dato’ Onn sebagai pemimpin.

“UMNO kini menjadi satu kuasa nyata dalam politik Malaya dan mungkin akan memainkan peranan besar dalam bulan-bulan akan datang...” (CO 537/1581: no 11 bertarikh 16 Mei 1946)

Kepimpinan Dato' Onn tidak hanya terhad kepada politik akar umbi, tetapi turut mempengaruhi Raja-Raja Melayu. British menyedari bahawa pendirian sultan-sultan banyak ditentukan oleh keputusan UMNO, menjadikan Dato' Onn tokoh utama dalam rundingan mengenai bentuk kerajaan baharu.

“Tidak syak lagi bahawa Raja-raja dalam semua kes menerima arahan mengenai pendirian mereka daripada UMNO yang diketuai oleh Dato' Onn.”
(CO 537/1529: no 110 bertarikh 25 Mei 1946)

Keupayaannya menyatukan pelbagai lapisan masyarakat, daripada golongan sultan hingga tokoh-tokoh agama yang dilabel “radikal” oleh British, seperti Kiyai Salleh, menjadikan beliau satu-satunya tokoh yang dilihat oleh penjajah sebagai mampu menjamin kestabilan pasca-perang. Dalam kerangka pandangan kolonial, kelayakan ini menjadikan beliau watak yang sesuai untuk dimanfaatkan demi kesinambungan kepentingan imperial.

“British tidak memenjarakannya [Kiyai Salleh] selepas mereka kembali pada 1945, sebahagian besarnya kerana [...] hubungannya dengan Dato' Onn.”
(CO 537/1581: no 14–16 bertarikh 31 Mei–22 Jun 1946)

2. Rakan Strategik atau Alat Kawalan?

Walaupun terdapat kebimbangan tentang kesediaan Dato' Onn untuk berkompromi, pihak British tetap memilih untuk berunding dengannya kerana kekuatan politik dan simboliknya. Dato' Onn dilabel sebagai pemimpin Melayu yang progresif dan rasional, berbanding golongan kiri dan agama yang dianggap ekstrem.

“Kerajaan akan dipaksa mengalah dari satu perkara ke satu perkara tanpa menerima apa-apa yang nyata sebagai balasan.” (CO 537/1529, bertarikh 5 Julai 1946)

3. Dato' Onn dalam Strategi Terancang British

British secara konsisten menggunakan naratif “ketidakmatangan” politik orang Melayu untuk menjustifikasi penangguhan kemerdekaan. Dalam hal ini, Dato' Onn menjadi suara yang selari dengan kehendak kolonial tersebut.

“Dasar UMNO [...] adalah untuk meletakkan kawalan yang kuat ke atas sebarang dorongan orang Melayu [...] supaya mereka dapat belajar untuk berjalan sebelum cuba berlari.” (CO 537/3746, bertarikh 2 Mac 1948)

Dalam hal ini, Dato' Onn bukan sekadar tokoh yang patuh, tetapi juga aktif membentuk nasionalisme Melayu mengikut acuan yang masih dipengaruhi oleh penjajah. Meskipun beliau telah banyak membantu melicinkan pelaksanaan agenda politik British, termasuk menjamin kestabilan pasca-perang yang strategik bagi pihak penjajah (CO 537/3669, no. 3, bertarikh April 1948), dokumen-dokumen *Colonial Office* (CO) secara terang menunjukkan bahawa beliau tidak pernah benar-benar dihormati oleh kuasa kolonial. Di sebalik sokongan taktikal, wujud kenyataan-kenyataan bersifat meremehkan dan menghina dalam komunikasi dalaman mereka, yang memperlihatkan bahawa Dato' Onn hanya dianggap sebagai alat yang digunakan apabila perlu, dan boleh diketepikan apabila tidak lagi sehaluan dengan kepentingan imperial.

Ini menyingkap satu hakikat yang pahit tetapi signifikan: walaupun beliau diberikan ruang dalam struktur kolonial, kebergantungan British terhadapnya tidak disertai dengan penghormatan yang tulus. Sebaliknya, imejnya dibingkai secara selektif, dan martabatnya

sering kali direndahkan dalam wacana dalaman penjajah. Hal ini tergambar jelas dalam sebuah memo *Colonial Office* bertarikh 17 Disember 1947:

“Dia bukan Melayu tulen [...] demagogik [...] kasar dan tanpa berfikir panjang.” (*CO 537/2144, bertarikh 17 Disember 1947*)

4. Peranan Dwiwajah: Penjaga Kepentingan Melayu dan Pengkritik Penjajahan

Walaupun sering dilabel sebagai pro-British, Dato’ Onn juga tidak segan untuk menegur dasar penjajah, terutamanya apabila merasa bahawa semangat persekutuan telah dikhianati.

“...bahawa beliau [Gent] cuba menjadikan Persekutuan itu sebagai Union dalam bentuk yang lain.” (*CO 537/3756, bertarikh 24 Ogos 1948*)

“Berkali-kali Dato Onn menjadi begitu marah, dan akan datang menemui saya; saya terpaksa menenangkannya...” (*CO 537/3756, bertarikh 24 Ogos 1948*)

Hal ini menyerlahkan sisi nasionalisme Dato’ Onn yang lebih kompleks, seorang tokoh yang kadangkala bersikap kritikal terhadap pentadbiran kolonial, namun pada masa yang sama kekal terikat dalam kerangka kerjasama dengan penjajah. Beliau bukan sepenuhnya alat imperial, tetapi juga bukan nasionalis tulen yang memperjuangkan pembebasan mutlak.

5. Pemimpin Inklusif dalam Kerangka Pro-British

Salah satu sisi penting dalam menilai peranan Dato’ Onn ialah keterbukaannya terhadap penyertaan bukan Melayu dalam politik dan pentadbiran Persekutuan. Dalam laporan *Colonial Office* bertarikh 8 Disember 1948, beliau dilaporkan mencadangkan agar orang Cina boleh dilantik dalam perkhidmatan awam, satu pendirian yang dianggap berani dan luar biasa pada waktu itu. Pihak British menggambarkan beliau sebagai berikut:

“...saya yakin beliau adalah seorang negarawan yang cukup besar untuk memahami bahawa tujuan Persekutuan boleh dilayani dengan lebih baik melalui persekutuan antara orang Melayu dan orang Cina yang setia kepada British.” (*CO 537/3758 bertarikh 8 Disember 1948*)

Namun, pujian sebagai “negarawan” ini perlu dibaca secara kritikal. Dalam kerangka pascakolonial, “negarawan” bukan semestinya merujuk kepada pejuang kemerdekaan, tetapi kepada tokoh yang boleh bekerjasama dan menjaga kepentingan penjajah. Dalam erti kata lain, “negarawan” bagi British ialah mereka yang boleh mengawal suara nasionalisme agar kekal dalam batas selamat dan tidak menggugat kuasa kolonial. Oleh itu, keterbukaan Dato’ Onn harus difahami dalam konteks ini, bukan sebagai idealisme kesamarataan mutlak⁸, tetapi sebagai sebahagian daripada projek politik yang masih beroperasi dalam logik dan kehendak kolonial.

Dokumen *Colonial Office* menunjukkan bahawa hubungan Dato’ Onn dengan British bersifat strategik dan penuh pertimbangan politik. Beliau bukan sekadar mengikut kehendak penjajah, tetapi juga bukan nasionalis tulen yang menuntut kemerdekaan sepenuhnya. Sebaliknya, Dato’ Onn ialah tokoh peralihan¹¹, seorang nasionalis berhaluan kanan yang cuba mengimbangi kehendak orang Melayu dengan realiti penjajahan yang masih wujud. Peranannya berada di antara dua batas, sebagai rakan rundingan, tetapi dalam masa yang sama mudah dijadikan alat kawalan. Kedudukan ini menggambarkan dilema yang sering dihadapi oleh pemimpin elit dalam perjuangan menuju kemerdekaan, bergerak dalam ruang rundingan, bukan konfrontasi langsung, dalam usaha membina negara selepas penjajahan.

Kesimpulan

Berpandukan dokumen dan surat-menyurat *Colonial Office* (CO), Dato' Onn digambarkan sebagai seorang tokoh yang kompleks, bersifat pragmatik, dan memainkan peranan utama dalam fasa peralihan politik Tanah Melayu pasca-perang. Dalam kaca mata penjajah, beliau dianggap sebagai pemimpin Melayu yang "selamat", seorang perunding yang bergerak dalam batas kerangka kolonial, tidak bersifat konfrontatif, dan sedia berunding tanpa mencabar secara langsung struktur kekuasaan British. Kepimpinannya dalam UMNO serta keupayaannya menyatukan suara orang Melayu menjadikan beliau satu aset politik yang penting bagi penjajah, untuk menyalurkan semangat nasionalisme Melayu ke arah yang lebih terurus dan tidak membahayakan kepentingan imperial.

Namun begitu, pendekatan politik Dato' Onn yang sederhana dan bersifat kompromi telah memberi kesan mendalam terhadap perjuangan kemerdekaan. Fokusnya terhadap isu Melayu dalam kerangka pentadbiran kolonial, bukan pembebasan mutlak, menjadikan beliau lebih cenderung kepada reformasi dalam sistem penjajahan, bukan penggugat kepada sistem itu sendiri. Sikap ini melemahkan perjuangan menentang penjajah dan membolehkan British terus berkuasa melalui pecah dan perintah.

Walaupun terdapat sisi kritikal dalam wataknya, seperti keberaniannya menegur dasar British apabila berasa terpinggir, kedudukan Dato' Onn tetap terikat dalam struktur penjajahan yang lebih besar. Malah, penghormatan yang diberi kepadanya oleh British sering bersifat taktikal, sementara, dan tidak disertai rasa hormat yang tulus. Beliau digunakan selagi berguna, dan ditolak apabila tidak lagi sehaluan dengan strategi imperial.

Keseluruhannya, Dato' Onn harus dilihat sebagai figur peralihan yang menzahirkan paradoks kepemimpinan kolonial. Beliau tidak sepenuhnya menjadi instrumen penjajah, namun juga tidak menjiwai semangat nasionalisme anti-kolonial yang mendambakan pembebasan mutlak. Kedudukannya menyingkap dilema elit politik pascakolonial: berada di persimpangan antara aspirasi rakyat dengan kekangan struktur penjajahan, lalu memilih jalur kompromi dan rundingan berbanding konfrontasi. Justeru, warisan kepemimpinannya mendorong wacana sejarah yang lebih kritis tentang batas dan potensi nasionalisme, makna kepemimpinan, serta tafsiran kemerdekaan dalam kerangka negara bangsa moden.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penilai yang dilantik oleh *MINDEN Journal of History and Archaeology* atas komen dan penilaian yang telah membantu menambah baik kandungan serta ketelitian makalah ini.

Nota

1. Dekonstruktif bermaksud bersifat membongkar, mencabar, atau merombak makna yang dianggap tetap, stabil, atau rasmi dalam sesuatu teks, idea, atau naratif.
2. Penjajah digambarkan sebagai pembawa tamadun, manakala penduduk tempatan sebagai kolot, tidak terurus, ini mencerminkan bias ideologi imperialisme.
3. British menggunakan strategi representasi untuk menggambarkan pemimpin tempatan seperti Dato' Onn sebagai "moderat", "boleh dirunding", atau "selamat", bagi menjustifikasi kerjasama dengan mereka dan mengasingkan tokoh-tokoh yang lebih lantang. Penentangan terhadap penjajah pula sering diwakili sebagai "keganasan" atau "ketidaktamadunan", sebagai strategi menjustifikasi tindakan keras.
4. Memperkukuh hegemoni bermaksud menguatkan pengaruh dan kuasa satu pihak ke atas masyarakat dengan cara halus, bukan melalui paksaan, tetapi melalui kawalan terhadap idea, budaya dan nilai. Tujuannya ialah supaya orang ramai menerima keadaan

- sedia ada tanpa sedar bahawa mereka sebenarnya sedang dikuasai.
5. Dalam wacana pascakolonial, rasionalisme Barat dikritik kerana hanya mengiktiraf cara pemikiran Barat sebagai satu-satunya cara memahami dunia, sambil merendahkan atau menolak cara pemikiran bukan Barat. Ia juga sering dijadikan alasan untuk membenarkan penjajahan, kononnya atas nama kemajuan atau pemodenan.
 6. Sifat kompromistik pribumi terhadap penjajah merujuk kepada sikap golongan pemimpin atau elit tempatan yang lebih cenderung berunding dan bertolak ansur dengan penjajah, berbanding menentang secara terbuka atau menuntut kemerdekaan sepenuhnya.
 7. "Kesamarataan mutlak" yang diperjuangkan oleh Dato' Onn, terutamanya melalui keterbukaannya terhadap penyertaan bukan Melayu dalam politik dan pentadbiran, sering dilihat sebagai langkah progresif. Namun dari sudut pandang pascakolonial, kesamarataan yang dicadangkan tidak berpaksikan keadilan sejarah terhadap pribumi, tetapi lebih kepada strategi integrasi politik yang menguntungkan penjajah serta golongan elit. Maka, ia bukanlah kesamarataan dalam erti yang adil dan merakyat, sebaliknya satu bentuk asimilasi terarah yang mengaburkan hakikat penjajahan yang masih berlangsung.
 8. Dato' Onn boleh dilihat sebagai tokoh peralihan, seorang pemimpin yang berdiri di antara penjajahan kolonial dan aspirasi kemerdekaan. Beliau bukan sepenuhnya mewakili semangat anti-penjajah yang tegas, namun juga tidak boleh dianggap sekadar agen yang tunduk kepada kehendak imperial. Sebaliknya, beliau mengisi ruang tengah yang kompleks, berusaha menyeimbangkan kepentingan politik Melayu dengan realiti struktur kolonial yang masih mencengkam.

Rujukan

- A.J. Stockwell. 1995. *The Malayan Union Experiment 1942–1948 (Part I)*. University of London.
- A.J. Stockwell. 1995. *The Communist Insurrection 1948–1953 (Part II)*. University of London.
- A.J. Stockwell. 1995. *The Alliance Route to Independence 1953–1957 (Part II)*. University of London.
- Carr, E.H. 1984. *Apakah Sejarah?* Terj. Abdul Rahman Haji Ismail. Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi asal 1961).
- Cheah, Boon Kheng. 2022. *Bintang Merah Di Langit Malaya (jilid I & II)*. Kuala Lumpur: IBDE Ilham.
- CO 273/675/18, no 20. (31 Dec 1945). *Political position in Malaya with regard to the new policy proposals*: memorandum by Brigadier A T Newbould.
- CO 537/1528, no 44. (23 Feb 1946). *Malay reactions to the White Paper*: minute by H T Bourdillon.
- CO 537/1529, no 110. (25 May 1946). *Proposed concessions to Malays*: inward telegram no 6 from Mr M J MacDonald to Mr Hall.
- CO 537/1530, no 245. (29 Aug 1946). *Developments in Malayan constitutional discussions*: note by H T Bourdillon on deliberations of the Anglo-Malay working committee.
- CO 537/1548. (8 Apr 1946). *The Pan-Malayan Malay Congress*: minute by Mr Creech Jones.
- CO 537/1581, no 17. (23 Feb 1946). *Local reactions to the White Paper*: HQ Malaya Command weekly intelligence review.
- CO 537/1669. (8 Mar 1946). *Local reactions to the Malayan Union*: minute by W S Morgan.
- CO 537/2144, no 318. (17 Dec 1947). *Dato Onn*: inward savingram no 52 from Sir E Gent to Mr Creech Jones.

- CO 537/2174, no 1. (27 Jan 1947). *UMMO*: From Sir E Gent to Mr Creech Jones. Annex: report on UMNO general assembly, 10–12 Jan 1947.
- CO 537/3671, no 28. (22 Jan 1948). *Signing the State and Federation Agreements*: letter from Sir E Gent to H T Bourdillon.
- CO 537/3746, no 9. (2 Mar 1948). *Prospects of the emergence of a strong independence movement*: note by W Linehan on the Malay dimension.
- CO 537/3756, no 1. (24 Aug 1948). *Dato Onn, Sir Edward Gent and the workings of the federal government*: personal letter from Mr M J MacDonald to Mr Creech Jones about Onn's mistrust of the late Sir Edward Gent and his threatened resignation.
- CO 537/3758, no 23. (8 Dec 1948). *Disorder and ways of enlisting Chinese support*: letter (reply) from Sir F Gimson to Sir T Lloyd. Annex: memorandum by T P F McNeice, G C S Adkins and G W Webb.
- CO 825/35/4, no 52. (Aug 1942). *A post-war settlement in the Far East*: need for a definite policy': joint CO-FO memorandum.
- Ranjit Guha & Gayatri Chakravorty Spivak. 1988. *Selected Subaltern Studies*. Oxford University Press.
- Said, Edward W. 1979. *Orientalism*. Vintage Books.

